

## **PENGUNAAN “PERMAINAN CARI SAYA BERSERTA SIFIR VOKAL + DIFTONG (AU/AI)” DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MERUMIKAN PERKATAAN JAWI YANG MENGANDUNGI SUKU KATA TERBUKA**

Oleh

**SITI FATIMAH BINTI KASSIM**  
**Sitifatihmah\_kassim@yahoo.com**

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan meningkatkan tahap penguasaan kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka bagi tiga orang murid Tahun Lima di Sekolah Kebangsaan Indah Permai, Kuching melalui penggunaan “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)”. Instrumen pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian pra, ujian pasca, nota lapangan, catatan refleksi peserta kajian dan temu bual. Kaedah analisis data menggunakan analisis kandungan dan teknik semak data adalah triangulasi sumber. Perbandingan ujian pra dan ujian pasca menunjukkan peningkatan markah yang sangat ketara bagi setiap peserta kajian di mana dua daripada tiga peserta kajian telah mendapat markah penuh. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)” ini amat berkesan dan memberi kesan positif dalam membantu peserta kajian meningkatkan kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka. Antara cadangan bagi kajian seterusnya ialah meluaskan pemilihan peserta dan menambahkan bilangan soalan permainan.

*Kata Kunci: suku kata terbuka, kemahiran merumikan, vokal, diftong, Jawi.*

### **ABSTRACT**

This research is aimed to improve the mastery level of skill to romanise the Jawi words that contains open syllable among three Standard Five students in Sekolah Kebangsaan Indah Permai, Kuching using “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)”. The instruments used to collect data in this research are pre-test, post-test, field note, reflection notes of the participants, and interviews. Data analysis used was content analysis, and the data is revised using the source triangulation. The comparison between pre-test and post-test results showed distinct scores improvement among the participants, in which two from three participants get full marks. The research findings shown that the usage of “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)” was highly effective and gives positive impact in helping the participants to improve their skill to romanise the open syllable of Jawi words. Suggestion includes to expand the selection criteria of the participants and to enhance the number of questions of the game.

*Keywords: open syllable, romanized skill, vocal, diftong, Jawi.*

## **PENGENALAN**

### **Konteks**

Saya merupakan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak dalam pengkhususan Pendidikan Islam dan Al-Quran. Saya telah menjalani praktikum fasa tiga dan internship di Sekolah Kebangsaan Indah Permai, Kuching. Sepanjang berpraktikum di sekolah tersebut, saya diberi tanggungjawab untuk mengajar Tahun 5 bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Sebelum saya mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam, saya telah berjumpa dengan guru mata pelajaran tersebut untuk mengetahui tahap pencapaian prestasi murid dalam mata pelajaran tersebut. Ternyata tahap pencapaian murid Tahun 5 adalah dalam keadaan sederhana sahaja. Saya telah memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam pada minggu kedua iaitu 9 Februari 2012. Saya telah memberikan latihan pengukuhan secara berkumpulan dan individu bagi tajuk "Ayat Nafi". Saya mendapati beberapa orang murid masih tidak pandai membaca tulisan Jawi. Manakala murid yang pandai pula, mereka mampu untuk membaca dan menjawab soalan latihan pengukuhan yang diberikan oleh guru dalam masa yang singkat. Menyedari akan masalah ini, saya bercadang untuk menjalankan kajian tindakan dalam pelajaran Jawi bagi membantu murid Tahun 5 menguasai kemahiran merumikan perkataan Jawi tersebut.

### **Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran**

Sepanjang pemerhatian yang saya jalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, saya menyedari beberapa orang murid yang mempunyai aras sederhana ini tidak dapat membaca tulisan Jawi. Mereka akan mengambil masa yang agak lama untuk menjawab latihan yang diberikan berbanding murid yang pandai. Jika saya meminta semua murid membaca beberapa ayat-ayat dalam tulisan Jawi, murid-murid ini hanya mengikut sebutan rakan mereka yang pandai. Namun, apabila saya meminta mereka untuk membaca secara individu, saya mendapati mereka agak lambat dan teragak-agak membaca perkataan tersebut. Oleh itu, saya telah membantu murid-murid berkenaan dengan membacakan tulisan Jawi tersebut. Selain itu, terdapat beberapa orang murid akan bertanya sesuatu perkataan yang tidak dapat dibaca oleh mereka. Menyedari masalah ini, saya ingin memperbaiki amalan pedagogi saya dalam pelajaran Jawi. Oleh itu, saya telah merancang aktiviti serta kaedah yang saya jalankan iaitu "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)" bagi murid-murid Tahun 5 untuk meningkatkan kemahiran merumikan perkataan Jawi dengan menghususkan kepada aspek suku kata terbuka.

### **Fokus Kajian**

Saya telah mengumpul data awal melalui pemerhatian sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran Jawi berlangsung di dalam bilik darjah. Pemerhatian yang saya jalankan adalah dengan melihat kepada reaksi dan respon yang diberikan oleh beberapa orang murid apabila saya memberikan latihan pengukuhan dalam tulisan Jawi. Mereka mengatakan tidak tahu membaca Jawi dan menganggap latihan tersebut adalah sukar. Keadaan ini mungkin berlaku atas kelemahan saya sendiri iaitu teknik pengajaran hanya berpusatkan kepada guru semata-mata. Murid yang pandai sahaja mampu mengikuti pengajaran saya. Manakala murid yang lemah apabila diminta membaca sesuatu perkataan, mereka akan terdiam sejenak dan tersenyum. Saya juga mendapati murid yang lemah ini

berasa cepat bosan dan tidak menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pengajaran saya.

Oleh itu, keadaan ini menyebabkan murid yang lemah dalam membaca Jawi akan ketinggalan dan kecikiran dalam pelajaran Jawi dan sudah tentu mereka juga merasa rendah diri atas kelemahan tersebut berbanding rakan mereka yang pandai membaca Jawi. Menurut Muhammad Endut (1992), pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi akan semakin ketinggalan dalam Pendidikan Islam apabila alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru ditulis dalam tulisan Jawi.

Lantaran itu, jika masalah ini terus dibiarkan, kesan negatif akan berlaku ke atas murid dan hasil pembelajaran tidak mampu dicapai. Jika kajian tindakan ini tidak dijalankan, saya risau murid akan selamanya memberi alasan bahawa pelajaran Jawi amat susah dan membosankan. Bagi menarik perhatian murid menguasai merumikan perkataan Jawi dalam aspek suku kata terbuka, saya telah memilih untuk menggunakan kaedah permainan yang dinamakan "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)" yang difikirkan amat sesuai dan perlu dijalankan dalam membantu ketiga-tiga orang murid tersebut.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

### **Objektif Am**

Penggunaan "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)" dapat meningkatkan tahap penguasaan dalam kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka.

### **Objektif Khusus**

- a) Mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka melalui penggunaan "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)".
- b) Mengenal pasti persepsi murid terhadap "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)".

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- a) Adakah "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)" dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan tahap penguasaan murid dalam kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka?
- b) Apakah persepsi murid terhadap "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)"?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Menurut Che Siah Che Man (2006), menyatakan antara pendekatan yang boleh digunakan dalam pengajaran Jawi ialah melalui pendekatan analisis atau analitik (cerakinan). Analisis bermakna memecahkan apa-apa yang telah dipelajari kepada bahagian-bahagian tertentu supaya susunan dan perkaitan bahagian-bahagian itu

mudah dan senang difahami. Analisis juga bermaksud mencerakinkan sesuatu idea di dalamnya supaya menjadikannya jelas dan nyata. Pendekatan analisis atau cerakinan ini mempunyai atau menggabungkan beberapa kaedah cerita, kaedah ayat, kaedah frasa, kaedah perkataan, kaedah suku kata, dan kaedah bunyi huruf. Dalam kajian ini, saya menggunakan pendekatan analisis kaedah suku kata di mana kaedah ini mencerakinkan perkataan yang dipelajari kepada suku kata. Peserta kajian diperkenalkan dengan suku kata terbuka yang membentuk perkataan dan diminta melafaz atau menyebut suku kata tersebut. Selepas itu, peserta kajian boleh merumikan suku kata tersebut mengikut urutan dan sebutan di dalam ejaan Bahasa Melayu. Kemampuan peserta kajian dalam merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka menunjukkan mereka boleh membaca tulisan Jawi. Oleh itu, saya telah merancang untuk membantu dan membimbing ketiga-tiga peserta kajian agar mereka boleh merumikan tulisan Jawi. Saya membina bahan bantu mengajar yang berbentuk permainan bahasa iaitu "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)" untuk membantu murid dalam meningkatkan kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka.

### **Pelaksanaan Tindakan**

Sebelum pelaksanaan kaedah "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)" diperkenalkan, saya telah mengenal pasti tiga orang peserta kajian yang menghadapi masalah merumikan perkataan Jawi. Saya juga berjumpa dan berbincang dengan guru Pendidikan Islam yang mengajar mereka sebelum ini. Menurut guru Pendidikan Islam tersebut, ketiga-tiga peserta kajian yang dipilih adalah dalam kalangan murid yang sederhana bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Sekiranya mereka diberikan bimbingan berterusan oleh guru melalui kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai, ketiga-tiga peserta kajian ini boleh mendapat gred A dalam ujian ataupun peperiksaan Pendidikan Islam. Oleh itu, saya telah mengadakan ujian pra bagi mendapatkan dapatan awal tahap penguasaan ketiga-tiga peserta kajian dalam kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka. Ujian pra diuji dalam bentuk ujian bertulis di mana peserta kajian diuji untuk merumikan 10 perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka.

Berikut adalah langkah-langkah bagi aplikasi kaedah "Permainan Cari Saya" dengan "Sifir Vokal + Diftong (au/ai)":

#### Langkah 1 :

Saya telah menerangkan kepada peserta kajian bagaimana cara menggunakan "Sifir Vokal dan Sifir Diftong (au/ai)". Peserta kajian diminta untuk menyebut dan membaca setiap suku kata yang terdapat dalam "Sifir Vokal" bermula daripada huruf (alif) hingga huruf (ya) dengan mengikut sebutan bunyi a, e-taling, e-pepet, i, o, dan u. Kemudian, selepas membaca "Sifir Vokal", peserta kajian diminta menyebut dan membaca suku kata yang terdapat di dalam "Sifir Diftong (au/ai)". Peserta kajian diminta menyebut dan membaca kedua-dua sifir tersebut secara beramai-ramai dan individu. Pada masa yang sama, saya meminta setiap peserta kajian melihat cara penulisan bagi setiap suku kata di dalam "Sifir Vokal" dan "Sifir Diftong (au/ai)".


سيفير ووڪل SIFIR VOKAL						Vokal
o	u	ē	e	ī	a	huruf Jawi
او	او	ا	اي	اي	ا	ا (Alif)
o	u	e	e	ī	a	
بو	بو	ب	بي	بي	با	ب (Ba)
bo	bu	be	be	bi	ba	
تو	تو	ت	تي	تي	تا	ت (Ta)
to	tu	te	te	ti	ta	
سو	سو	س	سي	سي	سا	س (Sa)
so	su	se	se	si	sa	
جو	جو	ج	جي	جي	جا	ج (Jim)
jo	ju	je	je	ji	ja	
هو	هو	ح	حي	حي	ها	ح (Ha)
ho	hu	he	he	hi	ha	
خو	خو	خ	خي	خي	خا	خ (Ho)
kha	khū	khe	khe	khi	kha	
جو	جو	ج	جي	جي	جا	ج (Ca)
co	cu	ce	ce	ci	ca	
دو	دو	د	دي	دي	دا	د (Dal)
do	du	de	de	di	da	
ذو	ذو	ذ	ذي	ذي	ذا	ذ (Za)
zo	zu	ze	ze	zi	za	

Rajah 1: Sifir Vokal

سيفير ديڦٽونگ ( او / اي ) SIFIR DIFTONG (AU / AI)			
اي	ai	اي	au
بائي	bai	بايو	bau
تائي	tai	تايو	tau
جائي	jai	جايو	jau
حائي	cai	حايو	cau
دائي	dai	دايو	dau
سائي	sai	سايو	sau
ڄائي	gai	ڄايو	gau
قائي	qai	قايو	qau
ڪائي	kai	ڪايو	kau
سڪائي	gai	سڪايو	gau
لاي	lai	لايو	lau
مائي	mai	مايو	mau
نئي	nai	نايو	nau
وائي	wai	وايو	wau
هائي	hai	هايو	hau

Rajah 2: Sifir Diftong (au/ai)

Untuk meningkatkan kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka, saya meminta peserta kajian mengasingkan perkataan Jawi yang diberikan kepada beberapa suku kata terbuka dan diletakkan di dalam jadual. Selepas itu, peserta kajian akan merujuk kepada “Sifir Vokal” dan “Sifir Diftong (au/ai)” bagi merumikan setiap suku kata yang telah diasingkan di dalam jadual mengikut ejaan rumi Bahasa Melayu.




Rajah 3 : Perkataan Jawi diasingkan mengikut suku kata terbuka dalam bentuk jadual oleh peserta kajian 2

Apabila peserta kajian telah mahir menggunakan “Sifir Vokal” dan “Sifir Diftong (au/ai)”, saya memberikan latihan merumikan perkataan Jawi melalui Latihan Pengukuhan 1 dan 2. Setiap peserta kajian diminta untuk merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka dengan merujuk kepada “Sifir Vokal” dan “Sifir Diftong (au/ai)”. Setelah berjaya merumikan perkataan Jawi tersebut, saya menyemak jawapan peserta kajian dan meminta setiap seorang membaca semula perkataan Jawi tersebut tanpa melihat tulisan yang telah dirumikan.

Langkah 2:

Saya perkenalkan set “Permainan Cari Saya” kepada peserta kajian. Set “Permainan Cari Saya” adalah berbentuk permainan bahasa iaitu permainan mencari perkataan tersembunyi Jawi yang mengandungi suku kata terbuka. Permainan ini terdiri daripada lima set dan setiap set mengandungi lima perkataan Jawi sama ada dua suku kata terbuka, tiga suku kata terbuka, empat suku kata

terbuka dan diftong (au/ai). Permainan ini dilaksanakan secara individu. Peserta kajian bermain sambil merujuk kepada “Sifir Vokal + Diftong (au/ai). Markah setiap set permainan dicatatkan dan dianalisis bagi mengetahui tahap pencapaian peserta kajian dalam kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka.



Rajah 4 : Contoh set “Permainan Cari Saya”

Selepas pelaksanaan kaedah “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)”, saya mengadakan ujian pasca terhadap peserta kajian untuk mengetahui keberkesanan kaedah yang diperkenalkan. Ujian pasca ini dijalankan dengan menggunakan item soalan yang sama dalam ujian pra.

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

PESERTA KAJIAN	CIRI-CIRI
1	Seorang murid perempuan. Beliau merupakan anak yang keenam daripada enam adik-beradik. Beliau adalah seorang yang sangat aktif di dalam kelas dan selalu bertanya jika beliau tidak faham tentang sesuatu pelajaran. Beliau juga seorang yang peramah. Tahap pencapaian akademik adalah sederhana dalam peperiksaan subjek Pendidikan Islam iaitu selalu mendapat markah antara 40 hingga 55.
2	Seorang murid perempuan. Beliau merupakan anak sulung daripada dua adik-beradik. Beliau adalah seorang murid yang sangat pemalu dan pendiam di dalam kelas. Tahap pencapaian akademik dalam peperiksaan subjek Pendidikan Islam adalah lemah berbanding dengan peserta kajian yang lain iaitu mendapat markah antara 20 hingga 50.
3	Seorang murid perempuan. Beliau merupakan anak ketiga daripada lima orang adik-beradik. Beliau adalah seorang murid yang aktif di dalam kelas. Beliau juga dilihat mempunyai keazaman yang tinggi dalam pelajaran. Tahap pencapaian akademik dalam peperiksaan subjek Pendidikan Islam adalah sederhana iaitu mendapat markah antara 40 hingga 75.

### Etika Penyelidikan

Sebelum saya melaksanakan kajian tindakan ini, saya memastikan agar etika penyelidikan diamalkan dan digunakan di dalam kajian ini. Surat permohonan menjalankan kajian yang disediakan oleh pihak institut diserahkan kepada pihak

sekolah. Selepas itu, saya telah memberikan surat akuan peserta kajian kepada ketiga-tiga orang peserta kajian untuk tujuan mendapatkan kebenaran dan persetujuan daripada mereka agar terlibat dalam penyelidikan tindakan yang saya jalankan. Saya juga telah menjelaskan kepada peserta kajian dengan lebih terperinci tentang tujuan penyelidikan yang saya jalankan iaitu untuk membantu mereka dalam meningkatkan kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka. Mereka telah bersetuju dan memberikan kerjasama yang tinggi sepanjang proses kajian tindakan berlangsung.

## **Teknik Mengumpul Data**

### **a) Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian yang saya gunakan dalam dalam kajian ini ialah pemerhatian menggunakan nota lapangan. Nota lapangan ditulis berdasarkan apa yang didengar, dilihat, pengalaman yang dilalui dan pemikiran yang timbul semasa mengumpul dan membuat refleksi terhadap data. Nota lapangan ini ditulis pada setiap kali aktiviti pengajaran dan pembelajaran Jawi dijalankan.

### **b) Analisis Dokumen**

#### **i. Ujian pra dan pasca kemahiran merumikan perkataan Jawi**

Ujian pra dan pasca kemahiran merumikan perkataan Jawi digunakan untuk menilai tahap penguasaan dalam kemahiran merumikan perkataan yang mengandungi suku kata terbuka dalam kalangan peserta kajian. Kedua-dua ujian ini menggunakan item soalan yang sama. Ujian pra digunakan untuk mendapatkan data awal. Ia dilaksanakan secara bertulis.

#### **ii. Set “Permainan Cari Saya”**

Set “Permainan Cari Saya” adalah instrumen yang digunakan untuk menilai tahap penguasaan kemahiran merumikan perkataan Jawi. Terdapat lima perkataan yang perlu dirumikan mengikut ejaan dan sebutan Bahasa Melayu. Perkataan yang berjaya dirumikan akan disemak dan diberikan markah.

#### **iii. Catatan refleksi peserta kajian**

Catatan refleksi bagi peserta kajian dilaksanakan untuk guru menilai tahap keberkesanan penggunaan “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)” dalam meningkatkan kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka. Catatan refleksi ini ditulis oleh peserta kajian setiap kali selesai proses pengajaran dan pembelajaran “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)”. Guru meminta peserta kajian menulis refleksi di dalam buku catatan yang disediakan.

### **c) Temu Bual**

Temu bual ini akan dilaksanakan pada sesi akhir pelaksanaan kajian. Ia dijalankan untuk mengetahui persepsi murid terhadap penggunaan “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)” dan keberkesanan permainan tersebut kepada murid. Temu bual juga dilaksanakan bersama-sama guru Pendidikan Islam pada akhir pelaksanaan kajian.

### **Teknik Menganalisis Data**

Kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian tindakan ini ialah analisis kandungan. Langkah yang pertama ialah meneliti data yang diperolehi dan menggariskan perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan persoalan kajian. Langkah kedua ialah menentukan perkara-perkara tersebut mengikut kategori yang sesuai. Langkah terakhir adalah melabelkan bahagian-bahagian data dengan nama kategori atau singkatan atau kod yang digunakan.

TRANSKRIPSI TEMUBUAL DENGAN PESERTA KAJIAN 1		
Tarikh : 18 Julai 2012		
Tempat : Bilik Agama		
Masa : 12.44 tengah hari		
Kunci : SE (Siti Fatimah), PK 1 (Peserta Kajian 1)		
Peserta	Perbualan	Kod
SF	Assalamualaikum...	
PK 1	Waalaikumussalam...	
SF	Boleh Uszazah temubual dengan awak?	
PK 1	Boleh	
SF	Uszazah nak tanya, awak seronok tak bermain dengan Permainan Cari Saya?	1
PK 1	Seronok.	
SF	Sebab kenapa awak seronok?	
PK 1	Err... sebab saya dapat belajar suku kata.	1

*Rajah 5 : Contoh transkrip temubual peserta kajian 1*

### **Teknik Menyemak Data**

Saya telah menggunakan satu daripadanya iaitu triangulasi sumber. Saya telah menggunakan teknik triangulasi sumber dalam penyemakan data untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan data yang telah dikumpul dan dianalisis. Triangulasi sumber ialah mendapatkan maklumat dan pandangan daripada sumber-sumber informasi yang berlainan. Antara sumber yang digunakan ialah melalui pandangan peserta kajian, pandangan guru Pendidikan Islam, dan pemerhatian sendiri.

## **REFLEKSI**


### **Refleksi Dapatan**

**Adakah “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)” dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan tahap penguasaan murid dalam kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka?**

Hasil dapatan yang diperolehi daripada ujian pra dan ujian pasca kemahiran merumikan Jawi, saya mendapati peningkatan markah peserta kajian yang memberangsangkan iaitu peserta kajian 1 (80% kepada 100%), peserta kajian 2 (60% kepada 80%) dan peserta kajian 3 (60% kepada 100%). Purata peningkatan markah adalah sebanyak 26.66%. Graf di bawah menunjukkan perbandingan markah ujian pra dan ujian pasca yang diperolehi oleh kesemua peserta kajian.



### Perbandingan Markah Ujian Pra Dan Pasca Kemahiran Merumikan Jawi



Rajah 6 : Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Kemahiran Merumikan Perkataan Jawi

Melalui Jadual 1, saya mendapati peratusan peserta kajian dapat merumikan perkataan dalam “Permainan Cari Saya Beserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)” sepanjang tempoh kaedah ini dijalankan adalah lebih daripada 80% ke atas.

Jadual 1: Markah Set “Permainan Cari Saya Beserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)” Kemahiran Merumikan Perkataan Jawi

Tarikh	Set	Peserta Kajian 1	Peserta Kajian 2	Peserta Kajian 3
		Markah (%)	Markah (%)	Markah (%)
09/07/2012	1	100	80	100
09/07/2012	2	100	100	100
12/07/2012	3	100	100	100
12/07/2012	4	100	100	100
16/07/2012	5	100	100	100

Dalam set 1 hingga set 5 “Permainan Cari Saya Beserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)”, saya mendapati peserta kajian 1 telah mendapat markah sebanyak 100% kerana berjaya merumikan kelima-lima perkataan Jawi setiap kali permainan. Peserta kajian 2 mendapat markah sebanyak 80% pada set 1. Hal ini kerana peserta kajian 2 telah tersilap dalam merumikan suku kata terbuka “nga” (نڠا) dengan ejaan “ga”. Bagi set 2 hingga set 5 pula, peserta kajian 2 mendapat markah

sebanyak 100%. Peserta kajian 3 telah berjaya merumikan perkataan Jawi dalam kelima-lima set permainan dan mendapat markah 100%. Sepanjang tempoh lima kali "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)" dilaksanakan, dapatan keseluruhan membuktikan bahawa peratusan peserta kajian 1, 2 dan 3 telah mencatatkan peningkatan markah yang amat baik kerana telah berjaya merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka.

Dapatan kajian yang saya rekodkan melalui nota lapangan juga menyokong bahawa penggunaan permainan yang saya perkenalkan kepada peserta kajian telah membantu mereka meningkatkan tahap penguasaan kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka.

*"Bagi ujian pra merumikan, saya mendapati peserta kajian 2 dan 3 dapat merumikan 6 perkataan dengan betul. Manakala peserta kajian 1 dapat merumikan 8 perkataan dengan betul dan tepat. Selain itu, saya juga mendapati kesalahan dari segi penulisan rumi adalah kerana mengikut sebutan jawi bukannya ejaan Bahasa Melayu. Contohnya bagi perkataan (komunikasi) dan (kamera); peserta 1 menulis (kamilah) dan (kamunikahsaya), peserta kajian 2 menulis (kamir) dan (kumunikasi) dan peserta ketiga menulis (kemarin) dan (kamu naiklah)." (Nota Lapangan, 2 Julai 2012).*

*"Saya dapat melihat kesungguhan dan semangat yang ditunjukkan oleh peserta kajian dalam meningkatkan kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka. Wajah mereka kelihatan ceria dan seronok dalam melaksanakan kaedah permainan bahasa yang saya jalankan ke atas mereka". (Nota Lapangan, 9 Julai 2012).*

Saya juga menggunakan catatan refleksi peserta kajian sebagai mengukuhkan dapatan kajian saya dalam kemahiran merumikan perkataan Jawi. Berikut adalah catatan refleksi peserta kajian:

#### Peserta kajian 1:

*"Saya dapat memahami apa yang ustazah Siti Fatimah sedang mengajar kami dalam kertas Sifir Vokal dan Sifir Diftong". (Sifir Vokal + Diftong dan Latihan 2, 5 Julai 2012)*

*"...sangat gembira kerana belajar Sifir Vokal dan Diftong". (Set 1 dan 2, 9 Julai 2012)*

#### Peserta kajian 2:

*"...sebab sifir vokal dapat membantu saya merumikan Bahasa Jawi" (Set 3 dan 4, 12 Julai 2012)*

*"...guru saya mengajar saya dengan baik dan juga ada merumikan Jawi" (Ujian Pasca, 16 Julai 2012)*

#### Peserta kajian 3:

*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/  
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

*"Hari ini saya gembira kerana ada guru yang mengajar saya tulisan jawi dan buat rumi"* (Sifir Vokal + Diftong dan Latihan 2, 5 Julai 2012)

*"Saya berasa seronok kerana saya sudah pandai membuat jawi. Saya berasa pandai merumikan jawi dan membaca"* (Ujian Pasca, 16 Julai 2012)

Keseluruhannya, catatan refleksi peserta kajian ini membuktikan peningkatan tahap penguasaan kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka dengan lebih berkesan dan peserta kajian telah mahir menggunakan "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)".

Oleh itu, konsep "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)" adalah berbentuk permainan bahasa yang dijalankan bagi membantu peserta kajian dalam meningkatkan merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka. Menurut Nik Rosila Nik Yaacob (2007) dalam Siti Farina (2010), mencadangkan agar guru-guru Pendidikan Islam menggunakan kedua-dua tulisan rumi dan Jawi dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar semua pelajar dapat memahami bahan Pendidikan Islam yang diajar oleh guru. Kaedah pengajaran juga boleh dipelbagaikan mengikut keperluan pelajar yang mempunyai latar belakang keupayaan yang berbeza dalam penguasaan Jawi.

#### **Apakah persepsi murid terhadap "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)"?**

Saya telah menggunakan instrumen temu bual bagi mendapatkan respon tentang persepsi murid terhadap "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)". Berdasarkan analisis transkrip temu bual tersebut, saya dapat mengenal pasti tiga tema utama yang menunjukkan persepsi murid terhadap kaedah yang digunakan.

Tema yang pertama iaitu seronok kerana dapat bermain sambil belajar. Kesemua peserta kajian bersetuju 100% bahawa mereka berasa seronok kerana dapat bermain sambil belajar apabila saya menggunakan "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)" dalam membantu mereka meningkatkan tahap penguasaan kemahiran merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka. Peserta kajian juga tidak berasa bosan sepanjang menjalankan aktiviti "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)". Hal ini kerana aktiviti permainan sesuai dengan naluri kanak-kanak yang sukakan permainan. Menurut Alan Chamberlain (1986) dalam Roziman (2010), menyatakan "...games can be used at all levels in language syllabus and with all types of pupils from primary school children to adults...".

Tema yang kedua ialah dapat merumikan perkataan Jawi. Kesemua peserta kajian mengatakan mereka boleh merumikan perkataan Jawi dengan betul. Bukti yang menyokong kenyataan ini ialah apabila kesemua peserta kajian memperolehi markah yang cemerlang di dalam ujian pra dan ujian pasca. Ini menunjukkan keberkesanaan bahan bantu mengajar yang digunakan iaitu "Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)". Menurut dapatan kajian yang dibuat oleh Holly M Menzies (2007) dalam Hasnalee Tubah (2008) dalam D. Siti Masleha (2010), mendapati bahawa ada peningkatan sebanyak 75% murid semakin boleh membaca jika mereka diberikan kaedah 'rawatan' yang betul.

Tema yang ketiga ialah mudah dan menarik. Penggunaan “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)” yang diperkenalkan kepada peserta kajian adalah mudah digunakan dan menarik perhatian. Menurut Ford (1982) dalam Zainuddin et.al (2007) dalam Che Mohamad Hafifi (2010), menyatakan melalui penggunaan alat bantu mengajar yang pelbagai, pembelajaran secara interaktif akan menarik minat, perhatian para pelajar, dan menimbulkan rasa ingin tahu yang mendalam. Oleh itu, adalah menjadi tugas guru untuk menggunakan bahan bantu mengajar untuk memberikan pemahaman yang jelas kepada pelajar tentang apa yang diajari.

Oleh itu, hasil temu bual terhadap ketiga-tiga peserta kajian mendapati persepsi yang positif. Semasa “Permainan Cari Saya Berserta Sifir Vokal + Diftong (au/ai)” dilaksanakan, kesemua peserta kajian menyatakan ia satu kaedah yang menyeronokkan kerana bercirikan bermain sambil belajar. Selain itu, mereka juga menyatakan bahawa mereka dapat merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata terbuka dengan betul. Satu aspek yang turut memudahkan pemahaman mereka kerana ia mudah dan menarik.

### **Refleksi Penilaian tindakan**

Kaedah pengajaran dan pembelajaran Jawi yang saya gunakan dalam kajian tindakan ini ialah berpusatkan murid dan bahan pengajaran dan pembelajaran. Peserta kajian diberikan peluang untuk meningkatkan kemahiran merumikan Jawi secara individu dengan berusaha mencari jawapan sendiri melalui permainan yang diberikan. Saya bertindak sebagai pembimbing dan pemudah cara. Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh peserta kajian amat menggembirakan hati. Namun begitu, kajian tindakan yang saya laksanakan ini mempunyai kelemahan. Antaranya ialah tulisan jawi bagi suku kata pada sifir agak kecil dan ini menyebabkan peserta kajian keliru dalam merumikan suku kata tersebut.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Sebagai seorang bakal guru Pendidikan Islam, saya menyedari bahawa kaedah pengajaran yang digunakan di dalam bilik darjah perlu dipelbagaikan dan sentiasa dibuat penambahbaikan. Kepelbagaian kaedah pengajaran akan menarik perhatian dan menceriakan suasana bilik darjah. Menurut Ee Ah Meng (1995) dalam Mohd Sahandri Gani Hamzah et.al (2010), menyatakan teknik pengajaran boleh ditakrifkan sebagai kemahiran guru dalam mengelola dan menjalankan langkah-langkah dalam aktiviti pengajaran. Ia menekankan kepada aspek bagaimana menggunakan sumber pengajaran serta menimbangkan langkah-langkah pengajaran.

Saya juga menyedari bahawa seorang guru perlu sentiasa prihatin dengan keadaan yang berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Contohnya, guru yang prihatin akan menyedari kelemahan murid dalam kemahiran tertentu dan ingin memperbaiki kelemahan tersebut. Oleh itu, tindakan yang dijalankan oleh guru ialah memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai serta berkesan.

Perkara yang paling penting adalah seorang guru perlu menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang yang diajarnya secara menyeluruh agar memudahkan penyampaian ilmu kepada murid. Dalam kajian tindakan ini, saya berpeluang

meningkatkan ilmu pengetahuan dengan lebih mendalam berkenaan suku kata terbuka di mana sebelum ini saya belum menguasai sepenuhnya. Menurut Mohd Sahandri Gani Hamzah et.al (2010), menyatakan sekiranya guru tidak melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan mata pelajaran yang diajar, maka guru berkemungkinan menyampaikan ilmu yang salah kepada murid. Jika hal ini berlaku, murid mungkin akan terkandas dalam pelajaran dan seterusnya merosakkan masa hadapan murid itu sendiri.

### **Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya**

Bahan bantu mengajar yang berkonsepkan permainan bahasa ini boleh dibuat penambahbaikan dari segi pelaksanaannya kepada skop yang lebih besar iaitu merumikan frasa atau ayat pendek Jawi. Selain itu, kajian lanjutan boleh diteruskan dengan merumikan perkataan Jawi yang mengandungi suku kata tertutup, perkataan berimbuhan atau kata pinjaman dengan menggunakan sifir tersendiri seperti sifir konsonan dan sebagainya. Di samping itu, permainan bahasa ini juga boleh dipelbagaikan dalam bentuk yang lain. Ia mungkin boleh diintegrasikan dengan penggunaan multimedia, nyanyian atau kad kalimah berwarna.

Berdasarkan kajian tindakan yang telah dijalankan ini, saya ingin mencadangkan beberapa perkara sebagai penambahbaikan pada masa akan datang. Antaranya ialah:

a) Pemilihan peserta kajian

Pemilihan peserta kajian perlu diperluaskan bagi menjadikan kajian tindakan ini benar-benar berkesan kepada populasi yang lebih besar.

b) Bilangan soalan permainan

Bilangan soalan dalam permainan bahasa perlu ditambah agar guru dapat melihat tahap penguasaan murid dalam kemahiran merumikan perkataan Jawi dengan lebih efektif dan berkesan.

## **RUJUKAN**

Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam & j-QAF, Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Che Siah Che Man. (2006). *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- D. Siti Masleha Taufik. (2010). *Penggunaan Kaedah "Saya Pandai Jawi" Dalam Mempertingkatkan Kemahiran Murid Mengeja dan Membaca Jawi*. Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan PISMPPA1107.
- Ee Ah Meng. (1997). *Psikologi Pendidikan II*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd
- Mohd Sahandri Gani Hamzah .et.al (2010). *Karakter Guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Muhammad Endut. (1992). *Pendidikan Islam KBSM: Satu Kajian Tentang Masalah Pengajaran Di Sekolah-Sekolah Di Negeri Johor*. Tesis M.Ed., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Muhani Abdul Gani. (1988). *Teman Pelajar Jawi*. Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). *Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan.